

16 MAR 1999

PM-PENAPISAN

TIDAK PERLU PENAPISAN INTERNET: PM

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan kepada Kabinet supaya membatalkan usaha bagi membentuk penapisan internet, kata pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, hari ini.

"Perdana Menteri memberikan arahan khas bahawa tiada sebarang penapisan dalam internet. Itu adalah pendirian kerajaan," katanya dalam satu sidang akhbar.

Beliau menjelaskan Perdana Menteri mengesahkan janji dalam Rang Undang-Undang Jaminan minggu lalu bahawa tiada sebarang penapisan bagi internet.

Berdasarkan kepada maklum balas daripada industri IT, cadangan oleh kerajaan tempatan meminta pengguna mendaftar di cyber cafe, sedikit sebanyak dianggap sebagai satu bentuk penapisan.

"Saya memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenai perkara ini pada Jumaat lalu dan beliau berkata ia adalah sesuatu yang kita tidak sepatutnya terima. Beliau dengan segera mengarahkan amalan itu diberhentikan," kata Dr Othman.

-- BERNAMA

LES ZK MA